

BAB 7

KESIMPULAN

Hasil daripada kajian ini jelas menunjukkan terdapatnya perhubungan dan pertalian yang sungguh bererti di antara pembolehubah geomorfometri itu sendiri dan perhubungan di antara pembolehubah geomorfometri dengan pembolehubah gerak balas iaitu luahan aliran minimum di dalam lembangan saliran tertib tiga. Kajian ini juga telah membuktikan peranan yang dimainkan oleh ciri-ciri geomorfometri iaitu pengaruhnya dalam mengawal bekalan air dalam sesebuah alur sepanjang tahun walaupun dalam bulan-bulan yang kurang jumlah turunan hujan.

Walaupun kajian ini dan skop kajian adalah tidak menyeluruh disamping kawasan kajian yang agak kecil, namun ianya diharapkan dapat memberikan gambaran kepada situasi yang bersifat global khasnya lembangan saliran di Kawasan Tropika Lembab. Selain daripada itu kajian ini boleh dijadikan asas untuk kajian-kajian yang lebih bersifat menyeluruh dan terperinci di masa yang akan datang. Pengajaran yang dapat disimpulkan adalah sesebuah lembangan saliran (unit permukaan bumi) tidak hanya merupakan kawasan tadahan yang berfungsi menakung dan menampung air semata-mata tetapi ianya boleh bertindak sebagai pengawal, pengatur dan penyimpan tenaga dan jirim. Selain daripada itu peranannya sebagai pengumpul khazanah

sumber alam yang tidak ternilai harganya seperti flora dan fauna malah berfungsi dalam mengimbangkan sesebuah sistem yang tersendiri.

Sekiranya usaha-usaha pembangunan tidak melihat lembangan saliran sebagai suatu sumber semulajadi yang bernilai dan bermakna maka implikasi yang berbagai akan terhasil. Jesteru itu lembangan saliran perlu diberikan perhatian yang utama sebelum sesuatu usaha pembangunan dilaksanakan dan tumpuan meminimakan kerosakan serta perubahan ke atas sistem ini wajar dilaksanakan terlebih dahulu. Keadaan ini jelas kerana sesuatu projek pembangunan akan tidak lepas lari daripada eksploitasi dan penerokaan permukaan bumi yang merupakan lembangan saliran baik dari sudut mikro atau makro. Sifat tamak dan rakus manusia untuk mengejar keuntungan dalam pembangunan tidak hanya dapat dikawal atau dibendung dengan akta dan hukuman, malah apa yang lebih penting adalah menanamkan sikap cinta, keperihatinan dan bersyukur kepada individu agar situasi keseimbangan dan harmoni dicapai di antara pembangunan dan alam semulajadi.

Apa yang jelas daripada kajian ini juga, setiap ciri-ciri geomorfometri di dalam lembangan saliran senantiasa bergandingan dan berhubung kait. Oleh itu menafi atau menutup peranan dan fungsi salah satu daripada pembolehubah tersebut tidak akan dapat dielak sekiranya berlaku apa-apa kemusnahan atau bencana kerana ianya

merupakan suatu timbal balas atau 'response' dalam
sesebuah sistem yang telah terganggu-gugat. Berdasarkan
perbincangan sebelum ini dan pandangan pengkaji-pengkaji
sebelum ini jelas menyifatkan lembangan saluran sebagai
sebuah unit geomorfik yang dinamik dan sensitif, maka
adalah wajar penekanan dan perhatian diberikan ke atas
unit ini.